



KEJOHANAN PING PONG TUNAS HARAPAN MILO MALAYSIA KE-31, TAHUN 2018

PERATURAN- PERATURAN PERTANDINGAN

- 1. Nama Kejohanan :** Kejohanan Ping Pong Tunas Harapan MILO Malaysia Ke-31
- 2. Tarikh Kejohanan :** **29 November – 02 Disember, 2018**
- 3. Tempat Kejohanan :** Dewan Perdana MAKSAK Sabah,
Jalan Istiadat, Teluk Likas,
88856 Likas, KOTA KINABALU.
- 4. Tujuan :**
 - 4.1 Mencungkil bakat baru dan mempertingkatkan lagi mutu permainan ping pong.
 - 4.2 Memperluaskan serta menggalakkan penyertaan dalam permainan ping pong daripada pemain-pemain berbilang kaum.
- 5. Syarat Pertandingan:**
 - 5.1 Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Kejohanan ini.
 - 5.2 Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang ITTF yang terkini.
- 6. Acara :**
 - 6.1. Setiap negeri/wilayah dibenarkan menyertai semua acara mengikut had penyertaan berikut:

Acara	Setiap Negeri
6.1.1 Berpasukan Lelaki berumur 13 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.2 Berpasukan Perempuan berumur 13 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.3 Berpasukan Lelaki berumur 10 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.4 Berpasukan Perempuan berumur 10 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.5 Perseorangan Lelaki berumur 13 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.6 Perseorangan Perempuan berumur 13 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.7 Perseorangan Lelaki berumur 10 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.8 Perseorangan Perempuan berumur 10 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.9 Beregu Lelaki berumur 13 tahun dan ke bawah	2 pasang
6.1.10 Beregu Perempuan berumur 13 tahun dan ke bawah	2 pasang
6.1.11 Beregu Lelaki berumur 10 tahun dan ke bawah	2 pasang
6.1.12 Beregu Perempuan berumur 10 tahun dan ke bawah	2 pasang
 - 6.2 Untuk **acara individu**, negeri pengelola dibenarkan menyertai maksima 2 (dua) kali ganda lebih bilangan peserta yang dibenarkan bagi setiap negeri.

7. Pendaftaran Pemain :

- 7.1 Warganegara Malaysia atau permastautin tetap sahaja dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
- 7.2 Seseorang pemain hanya boleh mewakili satu negeri / wilayah sahaja.
- 7.3 Tarikh lahir adalah seperti berikut:
 - 7.3.1. Umur 13 Tahun dan Ke Bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas **1 Januari 2005**.
 - 7.3.2. Umur 10 Tahun dan ke Bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas **1 Januari 2008**.
- 7.4 Pemain hanya dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam **satu kumpulan umur sahaja untuk setiap Kategori Acara iaitu Kategori Acara Berpasukan dan Kategori Acara Individu (acara perseorangan dan acara beregu)**.
- 7.5 Setiap negeri boleh mendaftarkan **TUJUH** orang pemain termasuk 2 orang pemain simpanan untuk dihantarkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum tarikh tutup. **LIMA** orang pemain sahaja kemudian akan dikenalpasti dalam Mesyuarat Pengurus untuk bertanding dalam Acara Berpasukan.
- 7.6 Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam acara individu hendaklah terdiri daripada 7 orang pemain yang didaftarkan.
- 7.7 Salinan fotostat Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran pemain yang telah disahkan oleh persatuan negeri hendaklah dihantar bersama-sama dengan borang penyertaan.
- 7.8 Selepas tarikh tutup pendaftaran, senarai pemain akan dipaparkan dalam website TTAM. Sebarang bantahan terhadap kelayakan seseorang pemain, jika ada, hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Teknikal TTAM **DALAM TEMPOH MASA SATU MINGGU** dari tarikh dipaparkan untuk semakan dan penentuan.

8. Cara Pertandingan:

8.1 Acara Berpasukan:

- 8.1.1 Mengikut Sistem Baru Piala Swaythling.
- 8.1.2 Jika terdapat 12 atau lebih pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 4 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.3 Jika terdapat 9 hingga 11 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 3 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.4 Jika terdapat 6 hingga 8 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 2 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.5 Jika terdapat 4 hingga 5 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan bertanding dalam satu kumpulan di mana sistem liga akan digunakan.
- 8.1.6 Jika terdapat kurang daripada 4 pasukan yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.

8.1.7 Setiap perlawanan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games)

8.2 Acara Individu :

- 8.2.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 8.2.2 Bagi pertandingan beregu, semua pertandingan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games).
- 8.2.3 Bagi pertandingan perseorangan Lelaki & Perempuan 10 Tahun dan Ke Bawah, perlawanan dari pusingan awal hingga pusingan akhir akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan. (Best of 5 Games)
- 8.2.4 Bagi pertandingan perseorangan Lelaki dan Perempuan 13 Tahun dan Ke Bawah, perlawanan dari pusingan pertama hingga pusingan suku akhir akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games). Perlawanan peringkat **Separuh Akhir** dan **Akhir** akan diputuskan dengan 4 permainan terbaik daripada 7 permainan (Best of 7 games).
- 8.2.5 Jika terdapat kurang daripada 8 orang peserta / pasangan yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.

9. Bola:

- 9.1. Bola Ping Pong 40+ Nittaku 3-Bintang berwarna putih akan digunakan dalam kejohanan ini.

10. Hadiah :

- 10.1. Bagi acara berpasukan dan acara individu, hadiah akan diberikan kepada pemenang Johan, Naib Johan dan 2 Tempat Ketiga
- 10.2. Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion) akan ditentukan mengikut Sistem Pemarkahan yang ditetapkan oleh Persatuan Ping Pong Malaysia seperti di bawah ini:

Kedudukan	Acara Berpasukan	Acara Individu
Johan	10 markah	5 markah
Naib Johan	7 markah	3 markah
Tempat Ke-3	4 markah	1 markah
Tempat Ke-3	4 markah	1 markah

- 10.3. Pihak pengajur adalah bertanggungjawab untuk membekalkan satu trophi untuk Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion).

11. Hospitaliti:

- 11.1. Setiap pasukan negeri/wilayah akan bertanggungjawab atas perbelanjaan penginapan pasukan negeri/wilayah masing-masing. Pihak negeri pengelola akan membantu negeri/wilayah untuk membuat tempahan tempat penginapan jika perlu.
- 11.2. Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan yang sesuai untuk pengadil-pengadil dari negeri-negeri lain. (maksimum 2 orang setiap bilik dengan katil berkembar (twin sharing)).
- 11.3. Hospitaliti untuk pengadil: dari makan malam satu hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 11.4. Sarapan pagi: jika tidak terdapat dalam jarak berjalan kaki dari penginapan, pihak pengajur mesti menyediakan.

- 11.5. Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan di hotel untuk Pegawai TTAM, Delegat Teknikal, ahli-ahli Jawatankuasa Teknik, Pengadil & Referi (TURC) TTAM.
12. **Bayaran Penyertaan :**
 - 12.1. Acara Berpasukan : RM 50.00 setiap pasukan
 - 12.2. Acara Perseorangan : RM 8.00 setiap peserta
 - 12.3. Acara Bergu : RM 15.00 setiap pasangan
13. **Cara Penyertaan :**
 - 13.1. Semua negeri yang ingin menyertai kejohanan ini dikehendaki mengembalikan Borang Penyertaan/Pendaftaran (Borang A, B, C, D, E, F) yang dikepilkhan ini **MELALUI EMAIL SAHAJA** pada atau sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan dalam peraturan 14.

**Setiausaha Kehormat,
Persatuan Ping Pong Negeri Sabah,
email: sttasabah@gmail.com**
 - 13.2. Satu salinan Borang Penyertaan/Pendaftaran Pemain hendaklah dihantar kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal
Tel: +603-8996 1497 Fax: +603-8999 1491
E-mail : ttammalaysia@gmail.com, a_lee438@yahoo.com
14. **Tarikh Tutup Penyertaan:**
 - 14.1 Tarikh tutup Penyertaan (Borang A) adalah pada **17 September, 2018**.
 - 14.2 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk Acara Berpasukan (Borang B) adalah pada **17 Oktober, 2018**.
 - 14.3 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk Acara Individu (Borang C dan D) dan Borang Maklumat (Borang E dan F) adalah pada **17 Oktober, 2018**.
 - 14.4 Tarikh akhir Pengesahan pemain untuk Acara Individu adalah pada **24 November, 2018**. Selepas tarikh ini, sebarang pertukaran untuk Acara Individu akan dikenakan bayaran denda seperti ternyata di Peraturan 16.
 - 14.5 Borang-borang Penyertaan/Pendaftaran yang diterima lewat daripada tarikh-tarikh tersebut TIDAK akan dilayan. (**Keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 3 Ogos 2013.**)
15. **Cabutan Undi:**
 - 15.1 Cabutan undi bagi Acara Berpasukan akan diadakan pada **20 Oktober 2018, jam 11.00 pagi** di Bilik Mesyuarat, **Persatuan Ping Pong Malaysia**.
 - 15.2 Cabutan undi bagi acara perseorangan akan diadakan selepas Mesyuarat Pengurus Pasukan. Masa dan tempat akan diberitahu kemudian.
16. **Pertukaran Pemain:**
 - 16.1. Untuk acara berpasukan, pemindahan pemain dari satu kumpulan umur kepada kumpulan umur lain TIDAK dibenarkan selepas cabutan undi diadakan.
 - 16.2. Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum kejohanan dimulakan untuk menguruskan hal-hal pertukaran pemain. Selepas mesyuarat tersebut, sebarang permintaan pertukaran pemain TIDAK akan dilayan.

- 16.3 Pertukaran pemain untuk semua acara adalah dibenarkan dan penggantinya hendaklah daripada pemain-pemain yang telah didaftarkan sahaja.
- 16.4 Pertukaran pemain untuk **Acara Perseorangan** adalah dibenarkan dengan bayaran denda seperti berikut:
- 16.4.1 Pertukaran pemain yang pertama dalam Acara Perseorangan akan dikenakan bayaran denda RM50.00 dan pertukaran pemain yang kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran denda RM100.00 setiap pemain.
- 16.5 Pertukaran pemain atau pasangan untuk Acara Beregu adalah dibenarkan dan dikenakan bayaran denda seperti berikut:
- 16.5.1 Pertukaran pemain atau pasangan yang pertama dalam Acara Bergu akan dikenakan bayaran denda RM100.00 dan pertukaran yang kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran denda RM150.00 setiap pertukaran. Pemindahan pemain antara 2 pasangan asal adalah dianggap sebagai satu pertukaran sahaja.
- 16.6 Penambahan pemain dalam semua acara selepas tarikh tutup pendaftaran pemain (21 November 2017) TIDAK DIBENARKAN.
- 17. Jawatankuasa Teknikal / Juri Rayuan :**
- 17.1. Delegasi Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Ping Pong Malaysia untuk mengawal segala pengurusan dan susunan teknikal.
- 17.2. Ahli-ahli Juri Rayuan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan ini.
- 17.3. Juri Rayuan akan terdiri daripada ahli-ahli berikut:
- 17.3.1. Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya,
- 17.3.2. Setiausaha : Setiausaha Kehormat Negeri Pengelola atau wakilnya,
- 17.3.3. Ahli-Ahli : Referi Kejohanan,
: Delegasi Teknikal TTAM,
: Wakil dari 3 buah negeri yang tidak terlibat.
- 18. Menarik Diri:**
- 18.1. Pasukan/Pemain yang terlewat 15 minit daripada masa yang telah dijadualkan akan dianggap sebagai memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pasukan/pemain lawan.
- 18.2. Menarik diri (walkover) tidak dibenarkan. Jika berlaku, mereka yang terlibat akan dianggap sebagai menarik diri daripada keseluruhan acara tersebut.
- 18.3. Keputusan-keputusan perlawanan yang telah selesai sebelumnya tidak akan diambil kira bagi pasukan/pemain yang menarik diri.
- 19. Bantahan / Rayuan:**
- 19.1. Segala bantahan atau rayuan hendaklah dibuat selewat-lewatnya dalam masa 30 minit selepas tamatnya perlawanan yang berkenaan melalui Pengurus Pasukan/Ketua Pasukan (Acara Berpasukan) atau pemain yang berkenaan (Acara Individu) secara bertulis dan disertakan dengan bayaran wang tunai RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) sebagai wang cagaran.
- 19.2. Jika bantahan atau rayuan telah gagal, wang cagaran tersebut tidak akan dikembalikan.
- 20. Pakaian:**
- 20.1. Pemain-pemain tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna putih.

- 20.2. Warna pakaian dua pasukan/dua peserta/dua pasangan bergu yang bertanding, mestilah berlainan. Pasukan/pemain dinasihatkan sentiasa bersedia dengan dua helai baju permainan yang berlainan warna (cool and warm colour) untuk bertanding. **Dokumen TTAM “TT Playing Clothing Colours Directive (TTAM)_01112008” adalah berkaitan.**
- 20.3. Pemain-pemain dalam satu pasukan/pasangan mesti berpakaian seragam.
- 20.4. Semua pemain (kecuali pemain perempuan beragama Islam) diwajibkan memakai baju permainan berlengan pendek dan seluar pendek.

21. Pengadil:

- 21.1 Pencalonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Pencalonan Rasmi yang disediakan oleh TURC Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 21.2 Berpandu kepada ‘TTAM Directive On Selection Of Umpires: Policy & Procedural Guidelines For All TTAM Endorsed Competition/Tournaments’, setiap negeri yang mengambil bahagian adalah diwajibkan menghantar seorang pengadil yang bertaraf **SU, NUP, NU atau IU** sahaja untuk berkhidmat dalam kejohanan ini. Walau bagaimanapun, Negeri-negeri digalakkan untuk menghantar SU atau NU.
- 21.3 Pengadil yang dicalonkan hendaklah seseorang yang aktif dan telah berdaftar dengan TURC. Jika seorang SU dicalonkan, beliau mestilah berumur 16 tahun dan ke atas dan telah berdaftar dengan NURC serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 12 bulan sebagai pengadil berperingkat SU. Hanya pengadil-pengadil yang dinamakan oleh Persatuan Negeri dan dilantik oleh TURC sahaja yang akan diterima oleh pihak pengelola untuk berkhidmat di kejohanan ini,
- 21.4. Negeri-negeri yang gagal menghantar seorang pengadil yang bertauliah akan dikenakan denda bayaran kepada Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:

Semenanjung Malaysia : RM 500.00
Malaysia Timur : RM 200.00

- 21.5. Persatuan Negeri boleh memohon untuk menghantar lebih daripada seorang Pengadil Kebangsaan / Pengadil Antarabangsa untuk berkhidmat dalam kejohanan ini jika diterima oleh pihak negeri pengelola.
- 21.6. Jawatankuasa Pengelola akan membayar eluan kepada Delagasi Teknikal, Refri dan Pengadil mengikut kadar seperti berikut: (pindaan 2012)
 - 21.6.1 Delegasi Teknikal : RM 120.00 sehari
 - 21.6.2 Refri (IR/NR) : RM 100.00 sehari
 - 21.6.3 Timbalan Refri (IR/NR/IU) : RM 90.00 sehari
 - 21.6.4. Timbalan Refri (NU) : RM 80.00 sehari
 - 21.6.5. Pengadil Bertaraf Negeri (SU) : RM 60.00 sehari
 - 21.6.6. Pengadil Bertaraf Kebangsaan (NU) : RM 70.00 sehari
 - 21.6.7. Pengadil Bertaraf ITTF (IU) : RM 80.00 sehari
- 21.7. Semua pengadil Peringkat Negeri (SU) yang akan berkhidmat di kejohanan ini dikehendaki menyertai Kursus Kepengadilan Taraf Kebangsaan (NU) yang akan diadakan dua hari sebelum tarikh Kejohanan, Pembayaran yuran kursus akan dikenakan mengikut pakej dan kadar seperti berikut:

Pakej 1 : RM70.00 seorang – Untuk seorang SU sahaja dari setiap negeri yang AKAN berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitaliti dan penginapan akan disediakan oleh negeri penganjur.

Pakej 2 : RM130.00 seorang – Untuk seorang SU tambahan atau lebih yang TIDAK akan berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitaliti dan penginapan akan disediakan oleh negeri penganjur.

Pakej 3 : RM50.00 seorang – Untuk seorang SU tambahan atau lebih yang TIDAK akan berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitaliti dan penginapan TIDAK disediakan oleh negeri penganjur.

Hospitaliti yang disediakan mengandungi 1 kali makan tengahari dan 3 kali minuman ringan. Penginapan akan disediakan adalah untuk malam sebelum hari kursus dan juga pada malam hari kursus.

- 21.8. Negeri Pengelola adalah bertanggungjawab dalam urusan pengelolaan Kursus NU dan akan membayai perbelanjaan bagi perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam mesyuarat TTAM seperti berikut:
 - 21.8.1. TURC TTAM akan melantik Pensyarah dan juga menapis calon-calon untuk kursus dan peperiksaan.
 - 21.8.1.1. Negeri Pengelola hendaklah bertanggungjawab bagi:
 - 21.8.1.2. Perjalanan Pensyarah, sama ada:
 - 21.8.1.2.1. Setara dengan kelas 2 tambang keretapi + tambang teksi dari rumah ke stesen dan balik + tambang teksi dari stesen ke hotel dan balik, **atau**
 - 21.8.1.2.2. Hitungan kilometer sebanyak 50 sen sekilometer + tol (sehingga maksimum 500 km pergi dan balik), atau
 - 21.8.1.2.3. Tiket penerbangan ekonomi (hanya jika jumlah jarak yang dilalui dan berulang alik adalah > 500km) + tambang teksi dari rumah ke lapangan terbang dan balik + tambang teksi dari lapangan terbang ke hotel dan balik yang mana ia terpulang kepada budi bicara Pensyarah.
 - 21.8.1.3. Hospitaliti Pensyarah (termasuk sebaik-baiknya satu bilik hotel single room)
 - 21.8.1.4. Penginapan peserta dari malam sebelum permulaan kursus hingga petang hari terakhir kursus / peperiksaan (iaitu 2 malam)
 - 21.8.1.5. Bilik latihan dan kemudahan
 - 21.8.1.6. Percetakan dan penjilidan ('binding') nota-nota kursus
 - 21.8.1.7. Hidangan ringan pada kedua-dua hari dan makan tengah hari pada hari pertama kursus.
 - 21.8.2. TTAM hendaklah bertanggungjawab untuk elauan Pensyarah seperti berikut:
 - 21.8.2.1. Elauan tugas pada kadar RM30.00 sejam, dan Elauan Harian sebanyak RM50.00 sehari.
- 21.9. Tarikh Mesyuarat/Taklimat Pengadil Kejohanan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan. Semua pengadil adalah diwajibkan hadir, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka yang tidak hadir.

22. Referi & Timbalan Referi

Berikut adalah syarat-syarat yang dinyatakan di dalam "Directive On Selection Of Referees (including Deputy Referees)" dan keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 25 Januari 2014.

22.1 Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; Masih aktif; Berdaftar dengan TURC.

22.2 Timbalan Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; Masih aktif; berdaftar dengan TURC.

22.3 Sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh pertandingan, negeri penganjur hendaklah meminta TURC melantik pengadil dan timbalan-timbalan pengadil. Negeri penganjur boleh, jika ia mahu, mencadangkan pencalonan kepada TURC.

22.4 Di mana referi/timbalan referi yang dilantik bukan dari negeri di mana pertandingan itu sedang dijalankan, pihak penganjur hendaklah:

22.4.1. Menyediakan hospitaliti untuk pegawai itu

22.4.2. Menempatkan referi di satu bilik (single room)

22.4.3. Menempatkan timbalan referi di bilik berkembar perkongsian (2 x katil single)

22.4.4. Membayar balik kepada pegawai kos perjalanan mereka

22.5 Hospitaliti untuk referi: dari makan malam dua hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.

22.6 Hospitaliti untuk timbalan referi: dari makan malam satu hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.

22.7 Sarapan pagi: jika tidak terdapat dalam jarak berjalan kaki dari penginapan, pihak penganjur mesti sediakan.

23. Ujian Kawalan Raket (Racket Control):

Ujian Kawalan Raket akan dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan prosidur seperti yang ditetapkan oleh ITTF dan TTAM.

24. Perkara Am:

Jika terdapat sebarang masaalah atau kerumitan yang tidak diperuntukan dalam peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan ini, Jawatankuasa Teknikal Persatuan Ping Pong Malaysia akan memutuskannya dan keputusannya adalah muktamad.

**JAWATANKUASA TEKNIKAL 2018
PERSATUAN PING PONG MALAYSIA**

Cara Pertandingan Pusingan Kedua Bagi Acara Berpasukan

